

28 MAY 2001

MONORAIL-PENYENARAIAAN

PENGENDALI KL MONORAIL TINJAU PENYENARAIAAN DI BSKL

RAWANG, 28 Mei (Bernama) -- KL Monorail Sdn Bhd, pengendali sistem KL Monorail yang bernilai RM1.17 bilion sedang meninjau peluang untuk menyenaraikan sahamnya di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Pengerusinya David Chew hari ini berkata syarikat yang mempunyai modal berbayar RM260 juta telah mengemukakan cadangan penyenaiaannya kepada Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada Februari lepas.

"Ia akan dilaksanakan secepat mungkin," kata Chew apabila ditanya pemberita mengenai tarikh sebenar penyenaiaan syarikat berkenaan.

Bercakap selepas majlis perasmian keretapi monorail buatan tempatan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini, beliau berkata KL Monorail bercadang untuk mengapungkan 20 hingga 25 peratus ekuitinya kepada orang awam.

KL Monorail telah diberi konsensi membina dan mengendalikan sistem transit aliran ringan (LRT) sejauh 8.6 km di Kuala Lumpur dalam tahun 1997 tetapi projek itu dihentikan ketika krisis kegawatan ekonomi 1997/98.

Projek itu dibangunkan kembali tahun lepas tetapi kosnya dikecilkan oleh kerajaan kepada RM1.17 bilion daripada RM2.1 bilion kos yang terdahulu sementara tempoh konsensi dilanjutkan kepada 40 tahun daripada 30 tahun sebelumnya.

Chew berkata sistem KL Monorail dijangka beroperasi menjelang Julai tahun depan.

Menjawab satu soalan, beliau berkata pembuatan keretapi monorail di dalam negara membolehkan syarikat itu berjimat sehingga 50 peratus.

Beliau menambah sistem keretapi monorail buatan luar negara akan menyaksikan syarikat itu berbelanja kira-kira RM760 juta berbanding dengan RM350 juta yang dibelanjakan oleh syarikat untuk sistem keretapi monorailnya sendiri.

Keretapi itu dikeluarkan oleh Monorail Malaysia Technology Sdn Bhd (MMT), cabang syarikat kepada KL Monorail.

"Dengan penjimatan modal kos sehingga 50 peratus, sudah tentu anda mempunyai projek yang lebih berdaya maju," kata beliau apabila ditanya mengenai daya mampu projek KL Monorail.

Sementara itu, Chew berkata sistem KL Monorail, MMT mengeluarkan 12 set keretapi dua kereta.

Prototaip bagi monorail berkenaan mula diuji sejak tahun 1999 di atas landasan ujian sejauh setengah km sejak dua tahun lepas. Peningkatan telah dibuat ke atas kenderaan itu dan pengeluaran keretapi dua kereta selesai bulan lepas.

Pengeluaran untuk keretapi-keretapi perkhidmatan akan bermula pada Julai ini dengan rangkaian kenderaan-kenderaan baru yang pertama dijangka dikeluarkan pada tahun 2002 dan akan digunakan untuk KL Monorail pada bulan Julai 2002.

Ditanya samada syarikat telahpun mula meninjau kontrak-kontrak seberang laut, Chew berkata syarikat akan terlebih dahulu memberi tumpuan kepada pasaran tempatan. -- BERNAMA

MOT FR AA